

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PENUTUP BENGKEL PEMANTAPAN
JATI DIRI DAN PEMERKASAAN KOPERASI
2026**

25 FEBRURARI 2026 (RABU)

6.30 PETANG

**KELAB RAHMAN PUTRA, BUKIT RAHMAN
PUTRA, SUNGAI BULOH, SELANGOR**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh Salam Malaysia Madani
dan Salam koperasi.

(SALUTASI)

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana kita semua dapat berkumpul bersama-sama dalam Majlis Perasmian Penutupan Bengkel Pemantapan Jati Diri dan Pemerkasaan koperasi 2026 pada hari ini.
2. Saya ingin merakamkan tahniah kepada ANGKASA Negeri Selangor khususnya kepada Pengerusi Dato' Haji Mohd Alias Hamzah atas penganjuran bengkel yang sangat bertepatan dengan keperluan semasa gerakan koperasi.

Hadirin Hadirat Yang Saya Hormati

3. Tujuan utama kursus pemantapan jati diri ini diberikan kepada warga koperasi adalah untuk mengembalikan kefahaman yang jelas terhadap falsafah, nilai dan prinsip koperasi yang sebenar di samping memperkukuh integriti, akauntabiliti serta

kebertanggungjawaban dalam kalangan kepimpinan dan pengurusan koperasi.

4. Jati diri koperasi bukan sekadar slogan atau identiti luaran, tetapi ia adalah roh dan asas perjuangan gerakan ini. Jati diri koperasi terbina atas prinsip tolong-menolong, demokrasi, kesaksamaan dan keadilan sosial. Apabila kepimpinan dan anggota benar-benar menghayati jati diri ini setiap keputusan yang dibuat bukan semata-mata berasaskan keuntungan tetapi juga mengambil kira kebajikan anggota serta kesejahteraan komuniti secara menyeluruh.
5. Dalam dunia yang semakin dipengaruhi budaya individualistik dan persaingan yang agresif, koperasi perlu kembali memperkukuh jati diri sebagai gerakan yang berteraskan nilai dan bukan sekadar entiti perniagaan. Tanpa jati diri yang kukuh koperasi

mudah terpesong daripada matlamat asal penubuhannya. Namun dengan jati diri yang mantap koperasi akan lebih berintegriti, diyakini anggota dan dihormati masyarakat, sekali gus mampu menjadi model ekonomi yang beretika dan mampan

6. Dalam landskap ekonomi yang semakin mencabar serta kompetitif, terdapat koperasi yang berdepan isu tadbir urus, kelemahan pengurusan kewangan, ketidakjelasan hala tuju perniagaan serta kurangnya penglibatan aktif anggota.
7. Justeru, bengkel ini dirangka sebagai platform menyusun semula kekuatan dalaman koperasi, membina semangat kebersamaan dan solidariti, memperjelas peranan Anggota Lembaga dan pengurusan, serta merangka strategi pemulihan dan transformasi yang lebih tersusun, realistik dan mampan agar koperasi bukan sahaja mampu bertahan

malah berkembang secara progresif dalam persekitaran ekonomi yang semakin kompetitif.

Hadirin Hadirat Yang Saya Hormati

8. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Sehingga Jun 2025 terdapat 2187 buah koperasi di negeri Selangor dengan keanggotaan seramai 648,734 individu, syer/ yuran sebanyak RM795.51 juta, aset sebanyak RM2.5 Bilion dan perolehan dicatatkan sebanyak RM 653.23 juta.

9. Jadi bagi memastikan angka-angka ini terus meningkat, ANGKASA komited memperkukuh ekosistem perniagaan koperasi melalui pendekatan yang lebih strategik, bersepadu dan berorientasikan prestasi, termasuk memperluas peluang pasaran, meningkatkan kecekapan tadbir urus serta

memperkasa kapasitas kepemimpinan dan pengurusan koperasi.

10. Untuk makluman semua melalui Aspirasi Koperasi Malaysia ataupun AsKOM antara Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dan ANGKASA, satu pemeteraian kerjasama telah diwujudkan bagi mengoptimumkan sumber dari segi kewangan, kepakaran dan program.

11. ANGKASA telah diamanahkan untuk merangsang dan membangunkan perniagaan koperasi serta menjadi suara utama gerakan koperasi negara dan menyebarkan kefahaman tentang nilai, prinsip dan identiti koperasi sebagai gerakan yang berdaya saing, inklusif dan mapan. ANGKASA juga diberi tanggungjawab mengetuai dan mewakili koperasi di pentas global dan pada masa ini komited berusaha mewujudkan ekosistem perniagaan koperasi ke koperasi (C2C) melalui jalinan kerjasama dengan koperasi luar negara.

12. Menjadi anggota ANGKASA memberi banyak kelebihan kepada koperasi termasuk akses kepada latihan dan pembangunan kapasiti, khidmat nasihat tadbir urus, jaringan perniagaan, advokasi dasar serta peluang penyertaan dalam projek-projek berskala nasional.

13. Antara perkhidmatan dan projek yang disediakan ANGKASA termasuk program pembangunan perniagaan koperasi, platform pemasaran dan rangkaian perdagangan, inisiatif pendigitalan koperasi dan Khidmat Pemulihan Perakaunan Tahunan Koperasi. Semua ini bertujuan memastikan koperasi mampu bersaing dalam pasaran terbuka dan kekal berdaya maju.
14. Dalam menghadapi era globalisasi dan transformasi digital, koperasi perlu menentukan sektor tumpuan dengan jelas sama ada makanan, logistik, digital, pertanian moden, perkhidmatan kewangan atau pembangunan komuniti.
15. Koperasi juga perlu peka terhadap data ekonomi makro dan mikro termasuk indikator yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Kementerian Kewangan dan agensi berkaitan. Ini penting untuk membuat

keputusan perniagaan yang strategik dan memberi impak kepada kemajuan koperasi.

Hadirin Hadirat Yang Saya Hormati

16. ANGKASA yakin melalui pemerkasaan ilmu, latihan serta rangka kerja yang jelas koperasi mampu muncul sebagai entiti ekonomi yang lebih kukuh dan bersaing di peringkat nasional mahupun global selaras dengan apa yang disebut oleh kerajaan yakni koperasi sebagai pemacu ketiga kepada pertumbuhan negara.

17. Bagi koperasi yang masih di peringkat awal, ANGKASA menggalakkan untuk memohon kemudahan Tabung Modal Pusingan (TMP) SKM. Manakala koperasi yang ingin berkembang lebih jauh disarankan menyertai Koperasi Pembiayaan Syariah ANGKASA (KOPSYA), khususnya koperasi kecil

seperti koperasi keluarga, kariah masjid, dan lain-lain.

Hadirin Hadirat Yang Saya Hormati

18. Saya menyeru agar semua koperasi terus aktif sebagai anggota ANGKASA dan memanfaatkan sepenuhnya segala kemudahan serta sokongan yang disediakan. Kekuatan gerakan koperasi bergantung kepada kesatuan dan komitmen kita bersama.

19. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Penutupan Bengkel Pemantapan Jati Diri dan Pemeraksanaan koperasi 2026.

Sekian, terima kasih.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam koperasi.